



Fail: (10) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarih: 25 November 2011

Ketua Pengarang,

Berita Harian

Akhbar : **Berita harian**
Tarikh : **19 Oktober 2011**
Subjek : **20 TAHUN TERBENGKALAI**

Merujuk kepada perkara di atas, Pihak Kementerian khususnya Jabatan Perumahan Negara(JPN) telah membuat semakan terhadap isu yang dikemukakan.

Untuk makluman, Sehingga 30 Oktober 2011 Projek Perumahan Taman Jelita di Mukim Senai-Kulai tidak tersenarai di dalam senarai Projek Perumahan bermasalah (lewat/sakit/terbengkalai). Oleh yang demikian, Jabatan Perumahan Negara memerlukan beberapa dokumen sokongan seperti sesalinan Perjanjian Jual beli dan dokumen-dokumen berkaitan untuk siasatan lanjut.

Sehubungan itu, pada 9 November 2011, pihak Jabatan Perumahan Negara telah menghubungi pengadu Puan Aishah Sulong di talian (012-702 6421) memohon agar diserahkan dokumen-dokumen berkaitan dalam tempoh tujuh (7) hari untuk memudahkan siasatan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557

e-mail : pro@kpkt.gov.my